



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	1/8/2018	MUKA SURAT	:	13
JABATAN	:	NRE / MACGDI			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

TNB terima anugerah Geospacial Kebangsaan

KUALA LUMPUR 31 Julai - Projek Geospacial Information System (GIS) Bahagian Pembahagian, Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerima Anugerah Kecemerlangan Geospacial pada Simposium Maklumat Geospacial Kebangsaan (NGIS) kelapan baru-baru ini.

Menurut TNB, penyertaan yang bertajuk 'Memperkasakan Projek GIS di Bahagian Pembahagian TNB ke Arah *Grid of The Future*' mengandungi pelaksanaan sistem untuk dikembangkan sehingga meliputi lebih 76,000 pencawang dan 1.3 juta kilometer talian kabel elektrik.

"GIS Pembahagian itu dilancarkan tahun lalu bagi membolehkan urusan menganalisis, menyimpan, memanipulasi dan menggambarkan maklumat dalam bentuk spatial di atas peta sekali gus meningkatkan kecekapan perkhidmatan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Anugerah tersebut disampaikan Ketua Setiausaha Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Datuk Seri



FAZILAH MAT YATIM (dua dari kanan) menerima Anugerah Geospacial Kebangsaan daripada Azizan Ahmad di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Azizan Ahmad kepada Ketua Projek GIS Distribution, Ir. Fazilah Mat Yatim pada simposium tersebut yang bertemakan Inovasi Geospacial Ke Arah Wawasan Negara.

Program tersebut dianjurkan Pusat Infrastruktur Data Geospa-

tial Negara (MaCGDI) dan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

Ia bertujuan mewujudkan wadah perkongsian maklumat dan pengalaman melibatkan komuniti geospacial dalam kalangan agensi kerajaan dan swasta di Malaysia.